

PERALATAN DAN SAJIAN DALAM UPACARA GAWAI SANDAU ARI MASYARAKAT IBAN DI DAERAH PAKAN, SARIKEI, SARAWAK

ABBY RUMIE ANAK PANDAN
Universiti Kebangsaan Malaysia
abbyrumie1056@gmail.com

YUSMILAYATI YUNOS*
Universiti Kebangsaan Malaysia
yusmila@ukm.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Gawai Sandau Ari merupakan sebuah perayaan yang disambut oleh masyarakat Iban dengan penuh adat dan masih kekal sehingga kini. Amalan ini merupakan sebuah upacara penting dan unik dalam tradisi masyarakat Iban di Daerah Pakan, Sarikei, Sarawak. Gawai Sandau Ari cenderung bersifat lebih individual atau kekeluargaan. Gawai Sandau Ari merupakan amalan yang melibatkan ritual penting yang dikenali sebagai ritual miring. Ritual miring merupakan sebuah ritual persembahan dan komunikasi dengan alam spiritual. Objektif penulisan ini adalah untuk menjelaskan peralatan dan sajian yang digunakan dalam upacara Gawai Sandau Ari. Penulisan ini menggunakan teknik kualitatif. Kaedah kajian lapangan dan temu bual separa struktur dilakukan bersama tokoh adat dan yang ahli dalam perayaan Hari Gawai. Sampel bertujuan digunakan dan informen yang dipilih terdiri daripada orang tua yang mahir dengan upacara ini. Seterusnya kaedah kepustakaan digunakan bagi menyokong data primer yang diperolehi secara lapangan. Data yang diperolehi disaring dan seterusnya dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Hanya data-data yang penting sahaja digunakan dalam penulisan ini. Kajian ini menggunakan konsep ritual yang dipopularkan oleh Victor Turner (1966). Hasil kajian menunjukkan bahawa peralatan yang digunakan semasa upacara Gawai Sandau Ari terdiri daripada antu pala, capan, tiang kuyang, pua kumbu, babi, ayam dan piring sajian yang berperanan penting dalam menjayakan upacara tersebut. Peralatan-peralatan ini bukan sekadar bersifat fungsional, tetapi mempunyai nilai simbolik dan spiritual yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa warisan budaya tidak ketara seperti peralatan ritual memerlukan usaha pendokumentasian dan pemuliharaan yang berterusan agar tidak pupus ditelan arus pemodenan. Implikasi kajian ini dapat memperkukuh warisan budaya Iban, memelihara identiti, menggalakkan pelancongan budaya, pendidikan, dan ekonomi komuniti.

Kata kunci: daerah Pakan, Gawai Sandau Ari, masyarakat Iban, ritual *miring*, spiritual

TOOLS AND SERVING IN THE GAWAI SANDAU ARI CEREMONY OF THE IBAN COMMUNITY IN PAKAN DISTRICT, SARIKEI, SARAWAK

ABSTRACT

Gawai Sandau Ari is a festival celebrated by the Iban community with full customs and still remains until today. This practice is an important and unique ceremony in the tradition of the Iban community in the Pakan District, Sarikei, Sarawak. Gawai Sandau Ari tends to be more individual or family-oriented. Gawai Sandau Ari is a practice that involves an important ritual known as the miring ritual. The miring ritual is a ritual of offering and communication with the spiritual realm. The objective of this writing is to explain the equipment and offerings used in the Gawai Sandau Ari ceremony. This writing uses qualitative techniques. Field research methods and semi-structured interviews were carried out with traditional figures and experts in the Gawai Day celebration. The purposive sample used and the informants selected consisted of parents who were skilled in this ceremony. Next, the library method was used to support the primary data obtained in the field. The data obtained were screened and then analyzed using thematic analysis methods. Only important data was used in this writing. This study uses the concept of ritual popularized by Victor Turner (1966). The results of the study showed that the equipment used during the Gawai Sandau Ari ceremony consisted of antu pala, capan, tiang kuyang, pua kumbu, pigs, chickens and serving plates which played an important role in the success of the ceremony. These equipment were not just functional, but had high symbolic and spiritual values. This finding showed that intangible cultural heritage such as ritual equipment requires continuous documentation and conservation efforts so that it does not disappear in the current of modernization. The implications of this study can strengthen Iban cultural heritage, preserve identity, promote cultural tourism, education, and community economy.

Keywords: Pakan district; Gawai Sandau Ari; Iban community; miring ritual; spiritual

PENGENALAN

Sarawak merupakan sebuah negeri yang terbesar diantara 13 buah negeri di Malaysia dengan keluasan 124,449.51 kilometer. Negeri Sarawak dikenali sebagai Bumi Kenyalang yang terletak di wilayah barat kepulauan Borneo. Sarawak dipisahkan dari Semenanjung Tanah Malaysia oleh jarak 600 km laut Cina Selatan. Di pulau Borneo, negeri Sarawak bersempadan dengan negeri Sabar di timur laut dan negara Brunei Darussalam yang membentuk enklaf berganda. Di sebelah pendalaman pula, negeri Sarawak bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia. Sarawak merupakan sebuah negeri yang kaya dengan kepelbagaian kaum dan etnik yang dapat tinggal saling bergantung dan hidup secara aman dan harmoni. Terdapat 30 buah etnik di Sarawak yang terdiri daripada Iban, Cina, Melayu, Kayan, Bidayuh, Kenyah dan sebagainya. Sarawak telah terbahagi kepada 12 bahagian iaitu Kuching, Miri, Sibul, Bintulu, Sarikei dan 7 lagi bahagian yang lain. Etnik Iban merupakan sebuah kaum yang paling banyak dan popular di negeri Sarawak (Noria Tugang, 2014). Howell (1957) menjelaskan orang Iban bukan penduduk asli di Pulau Borneo. Beliau mengatakan orang Iban dipercayai lebih awal daripada orang Melayu ketika berhijrah ke Pulau Borneo iaitu kira-kira tiga atau empat ratus tahun yang lalu. Menurut Howell lagi, orang Iban pernah tinggal di Semenanjung Tanah

Melayu. Orang Iban juga merupakan kaum bumiputera yang terbesar di Pulau Borneo. Dalam tahun 2000 dianggarkan kira-kira 591,700 iaitu lebih daripada satu per empat penduduk di Sarawak yang pelbagai etnik merupakan orang Iban. Oleh itu, melaluinya didapati bahawa kira-kira 30,000 orang yang selebihnya adalah orang yang tinggal di Sabah, Brunei dan Kalimantan. Nama Iban adalah diambil semena daripada nama *ensumbar* yang melambangkan kemuliaan dan juga sebuah pernghirmataan. Orang Melayu atau pun orang Iban adalah bukan penduduk asli yang tinggal di Pulau Borneo. Walaubagaimanapun, orang Iban dipercayai lebih awal daripada orang Melayu datang berhijrah ke Pulau Borneo iaitu kira-kira tiga atau empat ratus tahun yang lalu. Orang Iban dipercayai pernah tinggal di Semenanjung Tanah Melayu seaktu ketika dahulu. Sebelum berhijrah ke Pulau Borneo, orang Iban membuat penempatan di Kalimantan Barat Indonesia. Selepas itu, barulah orang Iban masuk ke negeri Sarawak dan menetap disini sehingga sekarang. Orang Iban dipercayai telah datang ke kawasan Sarawak pada awal tahun 1540 (Chang Pat Foh, 1999). Christensen (2002), menyatakan orang Iban adalah kaum bumiputera yang terbesar tinggal di Pulau Borneo. Kebanyakan kaum Iban ini tinggal di Sarawak, namun terdapat sebilangan lagi masih menetap di Kalimantan Barat, Indonesia. Mengikut bancian pada tahun 2010, kaum Iban yang tinggal di Sarawak adalah sebanyak 60% iaitu 2,745,400 orang. Masyarakat Iban popular dengan penempatan mereka yang tinggal di rumah panjang dan secara tidak langsung ini adalah simbol dan lambang etnik ini. Rumah panjang adalah rumah tradisional masyarakat Iban dahulu sehingga sekarang (Juliza Kennedy, 2007).

Penulisan ini bertujuan untuk meneliti dengan lebih mendalam peralatan dan sajian yang digunakan dalam upacara Gawai Sandau Ari masyarakat Iban di Daerah Pakan, Sarikei, Sarawak. Kajian ini berusaha mendokumentasikan fungsi dan nilai budaya yang terkandung dalam setiap peralatan serta sajian, di samping memahami kaitannya dengan identiti, kepercayaan, dan struktur sosial masyarakat Iban. Pendokumentasian ini penting untuk memastikan kesinambungan pengetahuan tradisional yang diwarisi sejak turun-temurun tidak hilang ditelan arus globalisasi dan perubahan gaya hidup moden. Permasalahan kajian timbul apabila amalan tradisi semakin jarang dipraktikkan oleh generasi muda, malah pengetahuan tentang peralatan dan sajian hanya dikuasai oleh golongan tua. Hal ini menimbulkan risiko kepupusan pengetahuan sambutan perayaan budaya ini. Selain itu, terdapat keterbatasan kajian akademik terdahulu yang membincangkan Gawai Sandau Ari, khususnya dari aspek material budaya. Situasi ini mewujudkan jurang pengetahuan yang perlu ditangani bagi memperkayakan dokumentasi budaya Iban. Justeru, kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada literatur akademik, di samping menawarkan asas kepada usaha pemuliharaan warisan, pendidikan budaya, serta potensi pembangunan pelancongan berasaskan pengalaman budaya masyarakat Iban di Sarawak.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa penulisan berkenaan amalan sambutan Hari Gawai. Misalnya, Noria Tugang (2024) dalam kajiannya berjudul “Peranan Wanita Iban dalam “Ritual Gawai Batu”: Kajian Kepentingan Budaya” membincangkan sumbangan penting wanita Iban semasa “ritual Gawai Batu”. Upacara tradisional ini dilakukan sebelum proses menanam padi. Ritual ini, berakar umbi dalam amalan pertanian orang Iban, melambangkan persembahan komunal untuk hasil tuaian yang banyak dan mengukuhkan identiti budaya. Kajian itu menyerlahkan bagaimana wanita memainkan peranan penting dalam pelbagai aspek upacara, daripada persiapan hingga pelaksanaan. Mereka bertanggungjawab untuk mengumpulkan bahan, menyediakan persembahan dan melaksanakan upacara tertentu yang menghormati makhluk

semula jadi dan roh nenek moyang. Wanita Iban adalah pusat kepada ritual "Gawai Batu". Penglibatan mereka menyerlahkan peranan mereka sebagai pengasuh dan penjaga amalan budaya, mengukuhkan status mereka dalam komuniti. Penyertaan berterusan mereka dalam upacara "Gawai Batu" adalah penting untuk kelangsungan identiti budaya Iban.

Ricky anak Edwin, Muhammad Hafiz Fakrul Zaman @ Hamdan, Mohd Nizam Yunus dan Jafalizan Md Jali (2024) dalam kajian berjudul "Menelusuri Adat dan Budaya Hari Gawai Dayak" membincangkan pengalaman seseorang dalam sambutan Hari Gawai Dayak yang sangat berpengalaman serta mempunyai gelaran yang layak sebagai orang lama dalam adat dan kebudayaan sambutan Hari Gawai Dayak tersebut. Artikel ini menekankan tentang sejarah awal dan mendedahkan adat-adat serta budaya dalam sambutan Hari Gawai Dayak. Selain itu, artikel ini juga menyatakan kepentingan dan sumbangan dalam memelihara adat dan kebudayaan orang Dayak. Kajian ini mempunyai kepentingan dari segi mengekalkan maklumat dan pengetahuan terutamanya kepada generasi masa sekarang agar ianya dapat dijadikan panduan dan sumber motivasi yang berkualiti pada masa yang akan datang.

Seterusnya kajian berkenaan amalan miring dilakukan oleh Daniel Ugih Echoh, Salfarina Abdul Gapor dan Haris Fadzilah Abdul Rahman (2020). Kajian mereka berjudul "Fungsi Upacara Miring dalam Proses Pemuliharaan Kubu di Wilayah Tengah Sarawak" membincangkan upacara miring dalam konteks pemuliharaan bangunan bersejarah yang dilakukan terhadap Kubu Emma di daerah Kanowit dan Kubu Brooke di daerah Julau. Upacara miring dilakukan sebelum kerj-kerja pemulihan kubu dilaksanakan. Penulis menjelaskan upacara miring merupakan satu bentuk keunikan budaya dan adat resam dalam kalangan komuniti Iban di Sarawak untuk memberkati, melindungi dan membawa kebahagiaan mereka yang mengamalkannya.

Kajian Jescinta Alice Matusinus (2019) bertajuk "Budaya Gawai Sandau Ari" memberi tumpuan terhadap amalan Gawai Sandau Ari secara umum. Makna dan tujuan perayaan ini sebagai upacara dan adat lama yang masih diamalkan oleh masyarakat Iban sehingga ke hari ini dengan tujuan untuk melakukan penilikan nasib terhadap seseorang. Kajian ini juga menghuraikan tentang cara pelaksanaan Gawai Sandau Ari dan peralatan serta tujuan penggunaannya semasa upacara berlangsung. Kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan upacara Gawai Sandau Ari dilakukan secara bersama-sama oleh keluarga rumah panjang dalam menyediakan makanan tradisional seperti pulut, rendai, tumpe dan kembang goyang. Dalam kajian ini juga, peralatan yang digunakan untuk menyambut upacara Gawai Sandau Ari terdiri daripada *isang*, *piring*, *antu pala* puan kumbu, ayam dan babi serta tiang kuyang.

Nik Azma Nik Day (2018) dalam kajiannya bertajuk "Perubahan Amalan Ritual Miring dalam Masyarakat Iban di Kanowit Sib, Sarawak" membincangkan perubahan yang berlaku di dalam pengamalan ritual miring masyarakat Iban yang masih lagi percaya dan berpegang teguh dengan agama adat. Pengamalan ritual miring adalah satu upacara keagamaan mengikut kepercayaan adat untuk memohon pertolongan daripada Petara bagi memakbulkan sesuatu niat melalui persembahan seperti makanan yang diletakkan di dalam piring. Perubahan-perubahan yang telah dikenal pasti memberi kesan kepada persepsi masyarakat sekarang terutamanya golongan muda tentang agama adat dan kepercayaan tradisi masyarakat Iban pada masa dahulu. Hal ini kerana, pengamalan ritual miring pada masa kini bukan sahaja semakin kurang diamalkan tetapi tatacara pengamalannya tidak dilakukan sepertimana adat dan cara masyarakat dahulu yang boleh mengubah tanggapan seseorang yang baru mengetahui tentang ritual miring ini dan juga agama adat.

Penulisan Suzie Nyindang (2017) berjudul "Adat *Miring* dalam Perayaan Gawai Sandau Hari dalam Masyarakat Iban". Kajian ini memberi tumpuan kepada ritual *miring* yang

dilakukan semasa upacara Gawai Sandau Hri yang berlangsung di sebuah rumah panjang di Sarawak. Dalam kajian tersebut, pengkaji telah membuat penelitian terhadap aspek pengurusan setiap peringkat upacara miring semasa Gawai Sandau Ari yang diadakan dari awal hingga akhir sambutan. Perayaan Gawai Sandau Ari merupakan Gawai yang disambut oleh masyarakat Iban yang berlangsung selama setengah hari iaitu bermula pada pukul 7.00 pagi sehingga 3.00 petang. Perayaan ini dilaksanakan di sebuah tempat yang terbuka yang dipanggil sebagai tanju oleh masyarakat Iban. Beliau turut melakukan penelitian terhadap segala peralatan dan bahan-bahan yang digunakan semasa ritual *miring* diadakan.

Seterusnya, penulisan Gregory Kiyai @ Keai (2017) berjudul “*Tikai: Fungsi dalam Kehidupan Budaya Masyarakat Iban*” membincangkan bahawa perayaan Gawai Sandau Ari bermaksud Gawai Siang Hari yang dilakukan di *tanju* sahaja. Tujuan perayaan ini adalah untuk menilik atau melihat nasib seseorang yang mengadakan perayaan tersebut dengan menggunakan hati babi sebagai bahan pengantara. Melalui temu bual yang dilakukan oleh penulis artikel ini beliau mendapati bahawa dalam pelaksanaan Gawai Sandau Ari pemilihan tikar adalah sangat penting dan tidak boleh dipilih secara sembarangan. Hal ini kerana sambutan perayaan ini penuh dengan pantang larang agar tidak mendatangkan musibah terhadap individu yang melakukan upacara ini.

Nyandang Anak Malang (2016) dalam kajiannya bertajuk “Penggunaan Ritual Miring dalam Hari Gawai Masyarakat Iban di Selangau” membincangkan konsep dan aturcara adat miring seperti sebelum, semasa dan selepas dalam Hari Gawai bagi masyarakat Iban. Kaedah penyelidikan yang diguna ialah pemerhatian dan temu bual untuk mendapatkan data di lokasi kajian. Kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif. Seterusnya, hasil daripada data-data tersebut dianalisis dalam bahagian hasil dapatan kajian bagi menerangkan penyelidikan ini dengan lebih terperinci. Hasil penyelidikan menampakkan adat miring masih mempunyai aturcara dan konsep yang sama dari dulu dan sekarang namun penggunaannya semakin berkurangan kerana kebanyakan masyarakat Iban sekarang menganut agama Kristian.

Selain itu, penulisan Anna Durin (2014) di dalam bukunya yang berjudul *Tikar Bemban* mengupas tentang kegunaan tikar bemban dalam perayaan Gawai Sandau Ari. Tikar bemban akan dihamparkan sebagai alas kepada tempat duduk lemambang atau tuai burung yang akan menyanyikan mantera bagi menjemput semangat atau roh. Semasa Gawai Sandau Ari diadakan, piring akan diletakkan di atas tikar bagi aktiviti menjamu semangat. Pemilihan tikar adalah penting sebagai alas duduk golongan mahir dan tetamu yang hadir. Kaum wanita yang menyediakan peralatan untuk perayaan ini tidak boleh memilih tikar sembarangan kecuali tikar lampit sebagai alas duduk. Hal ini demikian kerana pemilihan tikar yang sesuai harus dititikberatkan kerana semangat yang dipanggil sebagai Bungai Nuing sangat cerewet dan dapat menilai bahawa tikar yang lain adalah berkasta rendah. Penulis mengatakan musibah akan datang sekiranya sesiapa yang terkena angin daripada semangat Bungai Nuin. Angin ini mengakibatkan seseorang itu *alah ayu* atau jatuh pengan.

Seterusnya, kajian oleh Makmur Haji Harun dan Bukhari Katutu (2013) yang berjudul “Mencari Titik Temu Seni Budaya Kaum Iban dengan Kaum Bugis: Kajian Terhadap Seni dan Budaya Etnik di Nusantara” mengupas gambaran dan realiti hidup kaum Iban serta titik temu seni budaya kaum Iban. Penulis menerangkan tentang seni persembahan semasa perayaan Gawai Sandau Ari. Seni tari yang dipersembahkan oleh kaum Iban terdiri daripada tarian Ngajat Induk, Ngajat Bebung, Ngajat Lesong, Ngajat Ngamai Antu Pala dan sebagainya. Pada zaman dahulu tarian tersebut akan ditarikan selepas mereka kembali daripada peperangan dengan memakai pakaian tradisi masyarakat Iban seperti ‘*sirat*’, ‘*gagung*’ dan baju *burung*. Beliau menerangkan bagi Gawai Sandau Ari, peralatan muzik tradisional utama adalah gong

dan para mahir akan memainkan musik gendang Rayah untuk menyambut tetamu kehormat dan orang yang menyambut Gawai untuk ber 'Rayah' sambil membawa tengkorak musuh yang dikenali sebagai 'antu pala'. Upacara Gawai Sandau Ari mempunyai tariannya tersendiri iaitu penarinya akan memegang perisai kayu di tangan kiri dan pedang lalu menari seperti berhadapan dengan musuh.

Kajian selanjutnya dilakukan oleh Juliza Kennedy (2007) berjudul "Khazanah Warisan Masyarakat Etnik Iban di Sarawak: Satu Kajian Dokumentasi Harta Intelek" mendapati bahawa masyarakat etnik Iban sama seperti masyarakat kaum lain mempunyai sesuatu yang digunakan untuk membuktikan akan kewujudan etnik mereka di bumi ini. Penulis menjelaskan bahawa masyarakat Iban di negeri Sarawak menetap di rumah panjang yang merupakan rumah tradisional sebagai simbolik kepada etnik ini. Rumah panjang merupakan sebuah rumah kediaman masyarakat Iban dahulu sehingga sekarang yang mempunyai beberapa 'pintu' atau dikenali sebagai bilik. Setiap pintu mempunyai "ruai" atau ruang halaman rumah yang digunakan untuk bersembang, melaksanakan majlis perkahwinan, tempat untuk menyambut Hari Gawai dan aktiviti lain yang melibatkan penduduk rumah panjang.

Linda Dagang (2007) dalam tulisannya bertajuk "Persepsi Golongan Muda Terhadap Perayaan Gawai Burung Kenyalang di Daerah Lubok Antu" membincangkan perayaan Gawai yang disambut oleh masyarakat Iban. Melalui kajian ini, didapati masyarakat Iban mempunyai pelbagai perayaan Gawai seperti Gawai Batu, Gawai Dayak, Gawai Antu, Gawai Pangkong Tiang, Gawai Burung dan seumpama dengannya. Setiap perayaan Gawai tersebut dilakukan mengikut adat dan tradisi sepertimana yang diturunkan oleh nenek moyang kaum Iban sejak dahulu lagi. Kajian yang hampir sama ditulis oleh Corcordius Kanyan (2007) yang bertajuk "Gawai Kenyalang Dayak Iban" menjelaskan bahawa perayaan "Gawai Burung Kenyalang" hanya dapat dijalankan apabila seseorang individu itu mendapat mimpi daripada Petara (Tuhan) mereka. Individu yang mendapat mimpi tersebut merupakan orang yang tertentu dan terpilih iaitu mereka mempunyai sejarah tersendiri semasa zaman pemenggalan kepala dahulu".

Selanjutnya kajian oleh Asnaini (2005) bertajuk "Upacara Adat Sandau Ari Pada Masyarakat Iban di Kabupaten Kapuas Hulu Kalimantan Barat" memberi tumpuan terhadap amalan Gawai Sandau Ari yang disambut di Kalimantan Barat. Beliau mengatakan bahawa sambutan Gawai Sandau Ari di Kalimantan Barat bertujuan untuk memberi keberkatan terhadap seorang anak lelaki yang pulang daripada merantau, mencari pekerjaan dan meninggalkan kampung halaman. Melalui kajian ini didapati pengamalan Gawai Sandau Ari oleh masyarakat Iban di Kalimantan dan di Sarawak adalah berbeza iaitu di Kalimantan sambutanannya akan diadakan waktu tengah hari berbanding di Sarawak, sambutan Gawai Sandau Ari berlangsung pada awal pagi.

Tulisan Benedict Sandin (1977) pula dalam bukunya berjudul *Gawai Burong the Chants and Celebrations of the Iban Bird Festival* menyatakan bahawa orang Iban adalah kumpulan etnik pribumi yang terbesar di Sarawak. Mereka tersebar di seluruh Sarawak dan didapati mendiami pelbagai kawasan persisiran pantai di Kuching, Saribas, Skrang, Lemanak, Batang Lupa, Lundu, Miri, Bintulu, Kapit, Limbang, Sri Ama dan di Lawas. Masyarakat Iban dapat dibezakan dari etnik-etnik lain yang terdapat di negeri Sarawak melalui dialek mereka dan mereka dikenali atau diasosiasikan dengan penempatan mereka di tepi-tepi sungai.

Berdasarkan perbincangan sorotan literatur, terdapat kelompondan kajian mengenai peralatan dan sajian dalam upacara Gawai Sandau Ari di daerah Pakan, Sarikei, Sarawak. Kebanyakan penelitian terdahulu lebih menekankan aspek ritual, keagamaan, dan dimensi sosial tanpa memberi fokus mendalam terhadap unsur material budaya yang menyokong

upacara tersebut. Peralatan dan sajian yang digunakan bukan sahaja berfungsi sebagai pelengkap ritual, tetapi juga memuatkan nilai simbolik yang mencerminkan pandangan kosmologi, hierarki sosial, dan identiti budaya masyarakat Iban. Namun demikian, dokumentasi akademik yang meneliti secara sistematik jenis, fungsi dan makna simbolik peralatan dan sajian dalam konteks setempat masih terhad, khususnya dalam menghubungkan dengan aspek spiritual dan sosio-budaya masyarakat di daerah Pakan.

METODOLOGI

Penulisan ini menggunakan teknik kualitatif iaitu data diperolehi daripada kaedah kajian lapangan dan kaedah kepustakaan. Kajian ini dimulai dengan proses pengumpulan maklumat berkaitan tajuk kajian. Pada peringkat awal, kajian kepustakaan dilakukan di Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu, Perpustakaan Tun Sri Lanang dan di Pusat Sumber BITARA Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Buku, artikel dan jurnal yang berkaitan dipilih sebagai sumber data sekunder. Kaedah kepustakaan ini bertujuan untuk mendapatkan definisi, konsep operasional, fakta dan ulasan berkaitan dengan tajuk penulisan.

Kaedah lapangan yang digunakan melibatkan temu bual dan pemerhatian ikut serta. Kaedah temu bual dilakukan bersama informan yang dipilih di rumah panjang Indit, Manding, Pakan, Bahagian Sarikei Sarawak. Informan yang ditemu bual terdiri daripada ketua adat dan orang tua yang mahir dalam adat resam masyarakat Iban. Proses temu bual melibatkan dua orang pakar adat iaitu Puan Urin anak Telajan dan Puan Juntek anak Ugas. Mereka adalah warga emas di lokasi kajian dan masih aktif menjalankan amalan adat dan kepercayaan masyarakat Iban. Temu bual dirakam dan direkodkan dengan menggunakan pita perakam suara. Soalan-soalan berkaitan Gawai Sandau Ari dikemukakan dalam sesi temu bual ini. Kedua-dua informan ini bukan hanya berpengetahuan dalam upacara Gawai Sandau Ari tetapi mereka juga mempunyai kepakaran dalam mengubat penyakit dengan menggunakan kaedah tradisional yang diwarisi sejak turun temurun. Mereka tahu membaca jampi mantera dan memahami adat dan pantang larang ketika merawat pesakit. Dalam istilah masyarakat Iban mereka digelar sebagai lemambang.

Selain itu, kaedah pemerhatian ikut serta digunakan dalam kajian ini dengan cara menghadiri dan melihat upacara miring dilaksanakan di kawasan kajian. Pada hari kejadian, proses ritual dapat dirakam khususnya ketika upacara Gawai Sandau Ari yang bertujuan untuk merawat pesakit kanser. Kaedah pemerhatian ini dapat memberikan gambaran secara langsung tentang pelaksanaan dan pengurusan amalan Gawai Sandau Ari di rumah panjang Indit.

Penelitian awal dilakukan dengan menghadiri upacara Gawai Sandau Ari yang dilakukan di daerah Pakan pada bulan April 2022. Pada masa itu, upacara Gawai Sandau Ari dilakukan untuk Layang anak Tanggai yang menghidap penyakit kanser usus. Semasa hari kejadian. Upacara tersebut melibatkan masyarakat seluruh komuniti rumah panjang Indit, Manding. Penduduk rumah panjang lain turut hadir untuk melihat ritual ini.

Kesemua data dan maklumat dari temu bual di lapangan, rakaman video dan gambar yang dirakam dikumpulkan. Seterusnya setiap data yang diperolehi akan dibaca dan dikenal pasti mengikut kredibiliti yang telah ditetapkan. Selanjutnya data tersebut disaring dan dikategorikan serta dilabelkan mengikut nama dan istilah tertentu. Setelah itu data akan dikelaskan kepada tema dan deskripsi yang menjadi dapatan utama kajian. Langkah terakhir ialah analisis data dengan cara menginterpretasikan data dan menjelaskan maksud data serta maklumat yang telah dikumpulkan. Hanya data yang benar-benar sesuai sahaja digunakan untuk penulisan makalah ini.

SEMANGAT DAN MASYARAKAT IBAN

Masyarakat Iban tradisional mempunyai kepercayaannya yang tersendiri dalam memahami asal-usul kejadian alam semesta. Mereka percaya bahawa semua benda hidup atau benda bukan hidup mempunyai semangat seperti gunung, sungai, dan pepohonan. Selain itu, mereka turut mempercayai akan wujudnya alam ghaib yang disebut sebagai *Panggau Libau* dan *Gelung Batu Nakong* yang menjadi tempat tinggal para dewa dan dewi Iban. Kepercayaan tersebut diceritakan selama bergenerasi dalam tradisi lisan Iban. Masyarakat Iban turut mempercayai akan kewujudan alam kematian yang disebut sebagai *Menua Sebayan* iaitu tempat roh manusia yang telah meninggal dunia (Durin, 2014). Selain itu, beliau turut menerangkan tentang konsep kosmologi Iban iaitu dengan memberi penjelasan terhadap terma *Antu* (roh) dalam kepercayaan Iban (Gregory Kiyai @ Keai et al., 2023).

Kepercayaan dapat dibahagikan kepada dua aspek iaitu doktrin roh (*doctrine of soul*) yang merupakan agama asas berdasarkan roh dan seterusnya adalah doktrin semangat iaitu agama yang berasaskan kepercayaan kepada semangat. Menurut Gregory Kiyai @ Keai et al. (2019) sistem kepercayaan masyarakat Iban dikenali sebagai *Pengarap Lama*. Kepercayaan *Pengarap Lama* adalah berkait rapat dengan kepercayaan terhadap tuhan yang dikenali sebagai *Petara* dan kuasa ghaib, semangat orang hidup dan mati, semangat padi, fenomena alam, makhluk hidup dan objek tidak bernyawa. Semangat adalah bersifat *intangible* dan dikatakan ada bersama badan manusia (Gregory Kiyai @ Keai et al., 2023).

Masyarakat Iban percaya bahawa dunia ini dikuasai oleh roh baik dan roh jahat. Pengaruh semangat atau roh baik haruslah dipuja dan disembah bagi mengusir semangat dan roh jahat. Kehadiran roh baik dan roh jahat dapat dirasakan oleh masyarakat Iban melalui mimpi, petanda-petanda burung dan petanda hati babi yang menjadi medium pengantara di antara masyarakat Iban dengan *Petara* (tuhan) untuk menyampaikan mesej secara tersurat dan tersirat. Konsep *Antu* dalam masyarakat Iban adalah terbahagi kepada dua iaitu *semangat* yang baik dan *semangat* yang tidak baik. Dalam kehidupan masyarakat Iban, kepercayaan terhadap *semangat* baik dan jahat tidak dapat dielakan dan sentiasa mengikuti mereka dalam segala perkara (Kiyai dan Tugang, 2019). Selalunya, *semangat* yang baik akan selalu menghadirkan diri mereka dalam mimpi masyarakat Iban untuk menyampaikan pesan dan mereka akan menjelmakan diri sebagai dewa-dewi atau keluarga dan sanak saudara yang telah meninggal dunia. Manakala *semangat* jahat selalunya dikaitkan dengan jelmaan *antu gerasi* (hantu gergasi) yang sering mengganggu dan dipercayai boleh membunuh manusia sama ada di alam sadar atau alam tidak sadar (mati semasa tidur). Oleh sebab itu, pada masa dahulu apabila masyarakat Iban mendengar bunyi yang aneh semasa berada di rumah panjang atau diluar, ritual *Miring* perlu dilaksanakan bagi memohon keberkatan daripada *Petara* agar tidak diganggu oleh *antu gerasi*. Bagi masyarakat Iban di Sarawak, kepercayaan mereka terhadap unsur-unsur spiritual adalah sangat kuat dan berkait rapat dengan amalan hidup. Amalan ini secara tidak langsung telah membentuk identiti dalam membezakan masyarakat Iban dengan etnik lain di Malaysia (Gregory Kiyai @ Keai et al., 2023).

Masyarakat Iban sangat percaya mimpi dan roh nenek moyang mereka. Bagi etnik Iban, setiap mimpi yang mereka dapat semasa tidur adalah sebuah pesanan ataupun amaran tentang bahaya yang disampaikan oleh *petara*. Gawai Sandau Ari merupakan sebuah kepercayaan yang diamalkan oleh etnik Iban di Sarawak selepas mendapat mimpi. Gawai Sandau Ari bermaksud *Gawai Siang Ari* yang dilakukan di *tanju* iaitu tempat terbuka sahaja (Gregory Kiyai, 2017). Masyarakat Iban mengadakan upacara ini bagi tujuan kesyukuran, keselamatan, kemakmuran dan yang paling menyerlah ialah untuk tujuan kesihatan atau kesembuhan. Upacara ini juga salah satu daripada adat dan tradisi masyarakat Iban sejak turun temurun.

RITUAL DAN UPACARA

Ritual ialah sesuatu tindakan atau upacara yang dilakukan secara berulang, mengikut aturan tertentu, serta mempunyai maksud simbolik. Ia biasanya dikaitkan dengan agama, kepercayaan, adat atau budaya. Victor Turner (1966) menjelaskan ritual merupakan kewajiban yang harus dilalui oleh seseorang dengan cara melakukan serangkaian kegiatan, untuk menunjukkan suatu proses dengan tata personaliti tertentu untuk masuk ke dalam kehidupan yang belum pernah dialami. Pada masa itu, seseorang atau sekelompok manusia harus menjalani ritual. Mereka akan diatur oleh peraturan, tradisi, kaedah-kaedah dan upacara yang berlaku selama peristiwa itu berlangsung. Turner (1966) menegaskan bahawa ritual mempunyai prinsip formalnya sendiri. Oleh itu, ritual tidak boleh dijadikan sebagai cerminan konteks sosial semata-mata, kerana ia sering menjadi kegemaran budaya sekelompok masyarakat. Menurut Turner lagi, simbol ritual bukan sekadar ekspresif tetapi realitinya secara epistemologi dan sosiologi konstitutif. Ini kerana, sebuah upacara boleh dilihat sebagai tipikal, modal, atau asas kewujudan sekelompok masyarakat.

Ritual terdiri daripada pemikiran dan gerak isyarat rawak yang berlaku semasa upacara. Menurut Ronald L. Grimes (1943) dalam bukunya *Beginnings in Ritual Studies*, beliau mentakrifkan ritual bersifat tradisional yang berasal tanpa nama. Penulisan beliau tentang 9 *Religious Studies & Anthropological Theories*, menunjukkan beliau telah melakukan temu bual bersama dua orang tokoh teori ritual iaitu Victor Turner dan Theodor Gaster berkaitan dengan pandangan mereka terhadap Teori Ritual sekaligus mengajar masyarakat tentang teori ini. Kedua-dua tokoh ini melakukan kajian mikro yang sangat terperinci mengenai teks dan upacara puak yang dilakukan secara kelompok yang biasanya disatukan berlabel “simbol, mitos dan ritual”.

Selain itu, ritual merupakan transformasi simbolis yang wujud dari pengalaman dan keperluan primer manusia. Kejadian ini dapat dilihat melalui pola-pola kepercayaan mitos dengan jenis-jenis ritual yang mengandungi kekuatan yang berhubungan dengan kehendak manusia dengan penguasanya. Kejadian ini dapat diukur melalui roh-roh nenek moyang sesuatu bangsa dalam menyiasati perjalanan alam dan pengaruh terhadap kekuatan lainnya. Konsep ritual telah dipilih untuk meneliti peralatan dan sajian yang digunakan dalam upacara miring yang berbentuk spiritual yang diperturunkan oleh nenek moyang mereka.

Seterusnya, ritual sering dikawal oleh peraturan adat atau agama untuk memastikan ia dijalankan dengan tertib dan menghormati nilai yang terdapat dalam masyarakat. Norhuda Salleh dan Yaacob Harun (2015) menjelaskan ritual ialah peraturan atau perlakuan yang telah ditetapkan oleh masyarakat pengamalnya iaitu ritual dianggap ‘lambang’ kerana ia merupakan satu cara hubungan. Smith dalam Norhuda Salleh dan Yaacob Harun (2015) berpendapat ritual merujuk kepada idea dan hubungan yang bukan sahaja berlaku antara seorang dengan seorang lain tetapi juga antara suatu zaman dengan zaman yang lain. Idea yang tidak dimuatkan dalam mitos dan tradisi lisan yang lain iaitu idea yang tidak terucap – diluahkan melalui ritual. Ritual sebagai satu cara berhubungan termuat secara terperinci dalam adat. Perkara ini dinyatakan oleh Leach (1964:10) seperti berikut: “*For the living individuals in a society such details can never be irrelevant, they are part of the total system of interpersonal communication... They are symbolic actions, representations*”.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Amalan Gawai Sandau Ari ini adalah sebuah perayaan yang bertitik tolak daripada perayaan utama iaitu Gawai Burung. Upacara ini juga diadakan untuk melakukan aktiviti penilikan nasib terhadap seseorang yang berniat untuk mengadakannya. Semasa melakukan upacara ini, hati babi akan digunakan sebagai barang pengantara untuk menilik dan melihat nasib. Kebiasaannya, Gawai Sandau Ari ini akan dilakukan masyarakat Iban di rumah panjang pada bila-bila masa dan sekiranya ada ahli keluarga yang jatuh sakit. Amalan Gawai Sandau Hari ini sebenarnya dilakukan untuk memohon pertolongan daripada “Petara” yang dipercayai mempunyai kuasa untuk menyembuhkan manusia. Oleh itu, amalan ini juga dilakukan kepada pesakit yang telah diketahui penyakitnya tetapi sudah tidak dapat dirawat hospital lagi. Berikut merupakan contoh pelaksanaan Gawai Sandau Ari di *tanju* oleh penduduk rumah panjang Indit, Manding di daerah Pakan.



RAJAH 1. Upacara Gawa Sandau Ari di Rumah Panjang Indit, Manding
Sumber: Abby Rumie Anak Pandan, 2022

Selain itu, masyarakat Iban akan mengadakan amalan ini sebagai langkah akhir untuk mengubat pesakit tersebut selepas tidak dapat dirawat di hospital lagi. Upacara ini berlangsung selama setengah hari iaitu dari awal pagi sehingga jam duabelas ke dua petang. Semasa upacara ini berlangsung, ianya akan diadakan secara cepat kerana upacara ini hanya dapat diadakan setengah hari sahaja dan oleh sebab itu upacara ini dinamakan Gawai Sandau Ari. Urin (2023) mengatakan, sambutan perayaan Gawai Sandau Ari di rumah panjang Indit, Manding diadakan mengikut masa yang telah ditetapkan supaya upacara tersebut dapat membuahkan hasil sekaligus dapat menyembuhkan pesakit. Gawai Sandau Ari juga mempunyai peringkat dan pecahan yang tertentu. Upacara ini akan dilaksanakan mengikut kehendak pelakunya.

Aldrin John Hew (2020) pula menjelaskan Sandau Ari merupakan salah satu ritual yang dilakukan oleh kaum Iban. Sandau Ari memainkan peranan penting dalam sosial, ekonomi, kepercayaan dan politik orang Iban. Sandau Ari unik kerana hanya seorang yang telah menerima bimbingan daripada Petara atau roh melalui mimpi akan melaksanakan upacara ini. Sandau Ari adalah suatu bentuk ritual yang dilakukan bagi memohon keberkatan sebelum memulakan perjalanan atau kerjaya. Simbolik ritual Sandau Ari menunjukkan tanda redha daripada Petara atau dewa. Lemambang berperanan penting dalam ritual Sandau Ari kerana beliau membimbing masyarakat rumah panjang dalam pelbagai upacara. Lemambang adalah seorang pawang atau ahli ritual dalam masyarakat Iban yang mahir dalam seni bercerita dan menyanyi secara berpantun, terutamanya dalam upacara-upacara adat seperti Gawai. Walaupun peranan Lemambang semakin berkurangan selepas kedatangan agama Kristian, tetapi ia masih mengekalkan teras kepercayaan Iban. Namun begitu, ritual ini akan sangat penting dan kekal sebagai wacana suci kaum Iban pada masa hadapan.

Gawai Sandau Ari ini adalah pecahan upacara baharu yang turut terkandung di dalam Gawai Burong. Penulisan ini berfokus kepada peralatan yang digunakan dalam upacara penyembuhan penyakit masyarakat Iban di daerah Pakan, Sarikei, Sarawak. Sambutan perayaan Gawai Sandau Ari masyarakat Iban di kawasan ini disambut dengan meriah dan melibatkan sebuah komuniti sama seperti perayaan Gawai Burong. Peter M. Kedit (1970), mengatakan bahawa "*Gawai Sandau Hari was celebrated on the open air verandah tanju only during the daytime*". *Tanju* (serambi atau beranda terbuka) merupakan sebuah ruang yang utama dalam seni bina rumah panjang. Upacara Gawai Sandau Ari akan dilakukan di ruang ini kerana penglibatan dan pergerakan yang banyak. Dalam konteks penulisan ini upacara mengubat penyakit dilakukan mengikut peringkat dan tahap sesuatu penyakit. Walaupun upacara ini bertujuan untuk mengubat penyakit namun pengurusan dan pelaksanaannya dilakukan mengikut adat dan pantang larang yang telah ditetapkan oleh masyarakat Iban mengikut kepercayaan dan adat yang diwarisi secara turun menurun. Gregory Kiyai @ Keai et al. (2023) menjelaskan konsep kepercayaan tersebut telah disandarkan berdasarkan kepada alam dan unsur-unsur spiritual yang berkaitan dengan dunia ghaib sebagai medium menyeimbangi hubungan manusia sesama manusia atau manusia dengan alam. Tujuannya adalah untuk membentuk dan memupuk keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan masyarakat Iban itu sendiri dari perkara yang buruk.

PERALATAN DAN SAJIAN DALAM UPACARA GAWAI SANDAU ARI

Bahan dan peralatan yang digunakan dalam upacara Gawai Sandau Ari sangat penting sebagai simbol penyembahan terhadap kuasa luar biasa. Pelaksanakan sesuatu ritual tidak lengkap sekiranya tiada peralatan dan barang untuk menyempurnakan ritual tersebut. Peralatan dan barang-barang ini akan disediakan lebih awal sebelum upacara diadakan. Menurut Urin anak Telajan (2023), upacara Gawai Sandau Ari boleh dibatalkan sekiranya terdapat peralatan dan barang yang penting tidak lengkap. Sekiranya upacara dibatalkan, mereka harus mencari tempoh masa yang baru dan segala proses perancangan hendaklah dimulai sekali lagi. Antara peralatan yang digunakan dalam ritual miring ialah *antu pala* (kapala musuh), dulang buah-buahan, capan, tiang kuyang, dapur kayu, piring, pua kumbu, babi dan ayam.

Antu Pala (Kepala Musuh)

Antu pala yang lebih dikenali sebagai tengkorak kepala musuh adalah barang yang sangat penting dalam upacara Gawai Sandau Ari di rumah panjang Indit. Biasanya dua atau tiga kepala tengkorak digunakan dalam upacara ini. Walaubagaimanapun, jumlah *antu pala* yang digunakan semasa upacara ini tidak ditetapkan tetapi syarat upacara utama adalah mesti ada kepala tengkorak. Sekiranya pesakit tersebut tidak mempunyai *antu pala* sendiri, mereka boleh meminjam daripada orang yang masih menyimpan *antu pala* ini. Peminjam akan dikenakan adat pembayaran yang berupa wang ringgit mengikut jumlah yang telah ditetapkan. *Antu pala* ini bertujuan sebagai simbol dan sebagai tanda penghargaan kepada semangat tengkorak. Semasa amalan Gawai Sandau Ari diadakan *antu pala* akan diletakkan di dalam *capan* bersama dengan *isang* dan diletakkan di atas *tanju*. Gambar di bawah menggambarkan *antu pala* yang diletakkan di dalam *capan* sebelum upacara berlangsung.



RAJAH 2. Antu Pala dan Isang
Sumber: Abby Rumie Anak Pandan, 2023

Dulang Buah-Buahan

Dulang yang digunakan adalah bersaiz besar dan merupakan barang lama dahulu. Urin (2023) menjelaskan pemilihan dulang adalah bebas dari segi motif dan warna. Dalam upacara ini dulang berperanan untuk menyimpan segala jenis buah buahan. Antara buah-buahan yang diletakkan di dalam dulang seperti buah pisang, cempedak, nangka, ubi dan buah pinang. Dulang bersama dengan buah-buahan ini akan diletakkan di tengah tanju iaitu di bawah *tiang kuyang* (buluh tua). Buah buahan tersebut menjadi simbol ritual kepada persembahan memberi makan kepada roh yang mereka percaya. Gambar di bawah menunjukkan fungsi dulang semasa Gawai Sandau Ari dilakukan di rumah panjang di rumah panjang Indit.



RAJAH 3. Dulang dan Buah-buahan
Sumber: Abby Rumie Anak Pandan, 2023

Capan

Seterusnya, *capan* digunakan kerana berfungsi sebagai tempat untuk menyimpan antu pala semasa ritual miring berlangsung. Capan ialah nyiru yang digunakan untuk menampi padi. Dalam kehidupan orang Iban, capan mempunyai banyak fungsi dan kegunaan terutamanya dalam ritual miring. Capan ini diperbuat daripada rotan, batang beban, daun nipah dan daun sengang. Antara motif yang digunakan adalah berunsur flora dan fauna. Pemilihan unsur tumbuhan sangat sesuai untuk dibentuk dan digayakan mengikut kebijaksanaan orang yang

menganyamnya. Sebagai contoh ialah motif pucuk rebung, sayuk nipah, buah nipah, buah rambing, buah bangkit, buah pedada, kara, akar kara, buah empit, binka lia dan banyak lagi (Urin, 2023). Capan yang digunakan semasa Gawai Sandau Ari adalah biasa iaitu tidak mempunyai sebarang motif. Setiap kali ritual diadakan antu pala akan diletakkan di dalam capan bersama dengan isang. Antu pala dan capan ini juga diletakkan di tanju bersama dan di bawah tiang kuyang. Berikut adalah contoh capan yang digunakan semasa berlangsungnya ritual miring di daerah Pakan.



RAJAH 4. Capan
Sumber: Abby Rumie Anak Pandan, 2023

Tiang Kuyang

Sebelum upacara Gawai Sandau Ari dilakukan, tiang kuyang didirikan terlebih dahulu. Tiang Kuyang ini sangat penting dan pelaksanaan upacara di rumah panjang Indit, Manding tidak lengkap sekiranya peralatan ini tiada. Tiang Kuyang dibuat daripada buluh besar. Buluh ini digunakan sebagai tempat untuk menggantung segala jenis ubat yang digunakan untuk merawat pesakit di rumah panjang di daerah Pakan. Ubat ini akan digantung pada buluh yang didirikan di tengah-tengah tanju. Pada masa itu, penduduk rumah panjang akan mengaitkan segala jenis ubat yang mereka pegang di tiang kuyang. Mereka percaya akan ada roh yang akan memberkati ubat tersebut supaya menjadi lebih berguna dan tahan lama (Urin, 2023). Gambar di bawah menunjukkan tiang kuyang dalam ritual miring.



RAJAH 5. Tiang kuyang
Sumber: Abby Rumie Anak Pandan, 2023

Dapur Kayu Api

Seterusnya, perkakas yang digunakan semasa Gawai Sandau Ari ialah dapur kayu api. Kayu api adalah peralatan yang digunakan masyarakat Iban pada suatu ketika dahulu untuk memasak. Sebelum berlangsungnya upacara ini, Tuai Gawai perlu mencari kayu api dan menyediakan para terlebih dahulu. Semasa berlansungnya upacara ini, kayu api akan diletakan di tanju dan dibawah tiang kuyang. Dapur kayu api bertujuan untuk memasak tepung kelingkang. Tepung kelingkang adalah sejenis makanan yang disediakan dalam upacara merawat pesakit di rumah panjang Indit, Manding. Menurut Urin (2023), dapur kayu digunakan untuk memasak letup iaitu bertih padi yang menjadi bahan penting ketika miring perubatan diadakan.

Bahan Piring

Piring merupakan bahan penting yang digunakan semasa Gawai Sandau Ari. Terdapat beberapa buah piring digunakan bagi mengisi bahan-bahan utama yang diperlukan. Imas (2023) menyatakan bahan-bahan yang digunakan dalam ritual miring seperti daun sirih, buah pinang, daun ruku, semakau, pulut, daun kelait, telur dan sebagainya. Biasanya, Tuai Gawai akan mencari bahan ini lebih awal kerana ianya sangat penting. Selain itu, salai ikan dan salai ketam sungai juga digunakan semasa pelaksanaan upacara ini. Umumnya kaum lelaki akan turun menjala di sungai untuk mendapatkan ikan dan ketam dan dibakar sebelum berlansungnya upacara miring. Hal ini kerana ikan dan ketam sungai ini adalah makanan kepada *Bungai Nuing*.

Imas (2023) juga menyatakan bahawa *Bungai Nuing* adalah salah satu nama besar di dalam masyarakat Iban Sarawak kerana ianya bukanlah calang-calang orang. Bungai Nuing dipercayai merupakan *Orang Panggau* yang sebenarnya berasal dari kayangan. Masyarakat Iban percaya semasa Gawai Sandau Ari yang dilangsungkan di rumah panjang Indit, Manding, *Bungai Nuing* akan turun dari kayangan untuk menyaksikan pelaksanaan amalan ini. Oleh itu,

sajian untuk *Bungai Nuing* hendaklah disediakan supaya *Bungai Nuing* tidak murka. Sekiranya *Bungai Nuing* murka, maka akan terjadinya musibah yang boleh memudaratkan kesihatan pesakit tersebut. Semasa ritual miring berlangsung, sajian ini akan diletakkan di tanju bersama dengan piring yang diletakkan di dalam kelingkang. Kelingkang adalah tempat untuk meletakkan piring yang diperbuat daripada buluh. Berikut adalah gambar kelingkang yang digunakan dalam ritual miring perubatan yang diadakan di rumah panjang Indit, Manding.



RAJAH 6. Kelingkang

Sumber: <https://images.app.goo.gl/FFoCFu5Ubr1Asfwm9>

Pua Kumbu

Seterusnya, *Pua Kumbu* adalah bahan yang penting dalam pelaksanaan Gawai Sandau Ari. Pua kumbu merupakan seni kraf tradisional yang penting dan istimewa kepada masyarakat Iban. Pua kumbu dianggap sebagai lambang identiti atau pengenalan diri kepada masyarakat Iban. Masyarakat Iban percaya bahawa Pua kumbu memiliki kuasa spiritualnya yang tersendiri dan mempunyai hubungan dengan kuasa ghaib (Gregory Kiyai, 2022). Sejak kewujudannya, pua kumbu adalah medium penting yang digunakan untuk memohon perkara yang berkaitan dengan keperluan dan kehidupan. Oleh itu, pua kumbu banyak digunakan dalam melaksanakan ritual miring masyarakat Iban di rumah panjang Indit, Manding daerah Pakan. Antara ritual yang menggunakan pua kumbu ialah upacara istiadat seperti kelahiran, perkahwinan, kematian, penyembuhan dan perkara yang berkaitan dengan penanaman padi (Lucas, 1980). Traude (1996) menjelaskan menurut kepercayaan orang Iban, pua kumbu adalah hadiah daripada Tuhan dan telah dianggap suatu medium perantaraan yang penting dan berkesan untuk berkomunikasi dengan petara (Tuhan). Berikut adalah gambar proses pembuatan pua kumbu.



RAJAH 7 Proses Pembuatan Pua Kumbu
Sumber: <https://images.app.goo.gl/Ur3yeefeFqWXso5e7>

Noria Tugang (2014) menjelaskan tenunan kain pua kumbu adalah berbeza dengan tenunan kain yang lain dari segi hiasannya. Pemilihan motif yang digunakan untuk menghasilkan corak adalah berdasarkan aspek kehidupan harian dan dengan alam semula jadi. Kebanyakan corak yang dihasilkan adalah untuk keperluan sesuatu proses ritual. Oleh itu, setiap corak yang digunakan mempunyai fungsinya tersendiri dan bergantung dengan jenis motif yang digunakan. Antara corak yang sering digunakan dalam upacara ritual seperti corak *rang jugah*, *nising*, *tiang*, *mulung*, *merangau*, *lang terebai*, *ranyai sebayon* dan banyak lagi. Selain itu, motif seni tenunan yang terdapat pada pua kumbu adalah dicipta melalui pengaruh Ngayau kerana telah mengaplikasikan tentang nama dewa-dewa dalam cerita mitos masyarakat Iban (Anna Durin et.al, 2011).

Semasa Gawai Sandau Ari di daerah Pakan berlangsung, sebanyak tiga helai pua kumbu digunakan untuk dijadikan sebagai *kekajang*. Pua Kumbu akan digantung mengelilingi setiap sudut tanju secara melintang. Menurut Urin (2023), penggunaan Pua Kumbu semasa Gawai Sandau Ari adalah untuk menunjukkan “*orang pansut ke tanju*”. Pua kumbu yang digunakan tidak boleh berwarna hitam sebaliknya menggunakan warna yang menarik dan sesuai dengan upacara yang dijalankan. Contoh motif dan warna Pua Kumbu yang digunakan semasa Gawai Sandau Ari ialah berwarna coklat, kuning hijau serta bermotifkan haiwan dan tumbuhan. Tambah beliau lagi, pua kumbu juga digunakan untuk dijadikan *pandung* iaitu tempat untuk meletakkan babi sebelum aktiviti *bebanchak* dan *nela* atau babi dilakukan.

Babi dan Ayam

Babi mempunyai banyak kepentingan kepada masyarakat Iban disamping menjadi sumber makanan kepada mereka. Masyarakat Iban percaya, darah babi dianggap sebagai tanda yang mengacukan penanda penyucian. Dalam pengertian masyarakat Iban, tindakan menyucikan atau membersihkan bermaksud membuang badi akibat tindakan melanggar pantang larang agar tidak menimbulkan malapetaka. Penyucian ini adalah tindakan mengorbankan seekor babi bagi mengeluarkan darahnya manakala darah yang keluar menjadi simbol penyucian yang mengganggu kehidupan seorang individu. Tindakan menyucikan ini tidak dianggap sebagai membuang segala benda buruk malah dianggap sebagai bayaran atau persembahan kepada *petara* (Patrica Ganing, 2018).

Babi sangat penting dalam upacara Gawai Sandau Ari dan boleh dianggap sebagai bahan utama. Semasa upacara ini diadakan di daerah Pakan, babi diletakkan di atas *pandung* (tempat khas) yang diperbuat daripada Pua Kumbu. Babi penting kerana melalui hati babi nasib pesakit yang digawai akan ditilik. Melalui hati babi tersebut nasib pesakit akan ditentukan. Penilikan nasib ini memerlukan orang yang mahir dalam bidang ini. Sekiranya hati babi yang ditilik tidak bagus maka seekor lagi babi akan dibunuh untuk dilihat hatinya (Urin, 2023). Semasa Gawai Sandau Ari ini juga, babi tersebut akan dimandikan dengan menggunakan sabun. Selepas mandi bulu babi akan disikat dan diberi makan. Setelah semuanya rapi maka tibalah masanya babi itu akan dibunuh untuk mendapatkan hatinya.

Selain itu, manuk (ayam) juga digunakan semasa Gawai Sandau Ari. Ayam yang digunakan tidak boleh sembarangan tetapi mestilah menggunakan *manuk sabung*. Dalam upacara ini ayam tersebut dikenali sebagai *manuk tawai*. Ayam yang digunakan mestilah berbulu biring. Semasa upacara ini diadakan di rumah panjang Pakan, ayam tersebut tidak disembelih sebaliknya hanya digunakan untuk aktiviti *bebiau* (penaburan beras). Semasa *bebiau* berlangsung ayam akan digunakan untuk memberkati piring. Oleh itu babi dan *manuk tawai* ini sangat penting semasa melaksanakan Gawai Sandau Ari yang diadakan di rumah panjang Indit, Manding, daerah Pakan. Upacara ini akan terbatal sekiranya dua bahan ini tiada.

KESIMPULAN

Peralatan berfungsi sebagai pelengkap kepada sebuah upacara dan ritual. Sebelum bermulanya upacara Gawai Sandau Ari peralatan dan perlengkapan akan disediakan lebih awal daripada pelaksanaannya. Upacara ini akan terbatal sekiranya peralatan dan sajian yang penting tidak mencukupi. Antara bahan penting dan utama dalam pelaksanaan Gawai Sandau Ari ialah *antu pala*, pua kumbu, babi dan ayam jantan. Dalam upacara ini *antu pala* digunakan semasa ritual *miring* di *tanju* dan semasa ritual *naku antu pala*. Pua kumbu pula akan digantung mengelilingi *tanju* semasa berlangsungnya Gawai Sandau Ari. Kajian ini memperlihatkan bahawa kepercayaan spiritual dan unsur ritual dalam kalangan masyarakat Iban memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti budaya serta kesinambungan adat warisan nenek moyang mereka. Pua kumbu, sebagai kain tenunan tradisional, tidak hanya dilihat sebagai hasil seni semata-mata, tetapi memiliki makna mendalam dari segi kerohanian, dipercayai mempunyai hubungan dengan kuasa ghaib serta berperanan dalam pelbagai upacara keagamaan dan kebudayaan.

Selain itu, haiwan seperti babi dan ayam jantan turut berfungsi sebagai medium penghubung antara manusia dan alam roh. Darah babi dianggap sebagai simbol penyucian dalam upacara-upacara penting, manakala ayam jantan digunakan secara langsung dalam upacara *bebiau*, yang bertujuan untuk menolak bala dan memberi perlindungan kepada individu atau komuniti. Air tuak pula menjadi lambang kemesraan dan penyatuan, selain memainkan peranan dalam penyucian spiritual dalam upacara tertentu. Tambai (bendera) dan tikai (tikar) bukan sekadar peralatan fizikal, tetapi turut mengandungi nilai simbolik. Tambai membawa maksud kesediaan menyambut kehadiran roh, manakala pemilihan dan penyusunan tikai perlu dilakukan dengan teliti agar tidak menyinggung perasaan roh seperti *bungai nuing*, yang dipercayai boleh murka jika kesilapan berlaku. Elemen-elemen lain seperti dulang buah-buahan, capan, tiang kuyang dan kayu api juga berfungsi sebagai pelengkap yang menyempurnakan keseluruhan ritual dalam Gawai Sandau Ari. Amalan dan kepercayaan ini menunjukkan struktur sosial dan spiritual masyarakat Iban yang sangat kompleks dan mendalam. Setiap unsur dalam upacara mempunyai fungsi tersendiri yang saling berkait,

membuktikan bahawa budaya Iban bukan sahaja bersifat material, tetapi juga sarat dengan nilai spiritual dan simbolisme yang tinggi.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan terima kasih terhadap Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan yang membiayai penulisan makalah ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada kepada semua informan khususnya Puan Urin anak Telajan, Puan Juntek anak Ugas, Puan Runai anak Laja, Puan Ganda anak Saba dan Puan Imas anak Langie kerana bersedia memberikan kerjasama dan maklumat dalam penulisan ini.

RUJUKAN

- Abby Rumie anak Pandan & Yusmilayati Yunos. 2025. Amalan Ritual Miring dalam Sambutan Perayaan Hari Gawai Sandau Ari Masyarakat Iban di Daerah Pakan, Sarikei, Sarawak. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 22(3), 773-785. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2203.60>
- Adilawati Asri & Noria Tugang. 2024. *Pengarap Lama* dalam Budaya Iban: Penelitian Animisme Iban. *Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah)*, 9(1), 31-52. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/>
- Adlina Rahman. 2023. Tanah 'Raja' Jadi Buaya, Miring Tolak Musibah dipertahankan di Serian. *TVS Berita Sarawak*, 30 Ogos.
- Aldrin John Hew. 2020. *Lemambang* of The Sandau Ari. *The Sarawak Museum Journal*, LXXXIII (104), 1-6.
- Anita Junaidi & Wan Noorlizawati Wan Mat Ali. 2024. Sikap Masyarakat Iban Terhadap Pendidikan di Sarawak, 1841-1963. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 16(1), 1-8. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.1.1.2024>
- Anna Durin, Zarina Mohd. Shah, Bernice Helena & Mohd. Ghazali Abdullah. 2012. Pengaruh Ngayau atau Headhunting dalam Penciptaan Motif-Motif Tekstil Pua Kumbu Masyarakat Iban di Sarawak. *Jurnal Melayu*, 7, 303-316.
- Benedict Sandin. 1977. *Gawai Burong the Chants and Celebrations of the Iban Bird Festival*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Gregory Kiyai @ Keai, Khairun Nisa Mustaffa Halabi, Noor Hafiza Ismail, Nadia Nasir & Jeniffer Empiang Liman. 2023. *Mali* dalam Kepercayaan Masyarakat Iban di Sarawak. *Jurnal Sains Sosial Malaysian Journal of Social Science*, 8 (1), 44-54.
- Gregory Kiyai@Keai & Noria Tugang. 2019. The Iban Journey of Afterlife: Artifak Iringan Tukang Sabak. *Journal of Borneo-Kalimantan*, 5(1), 7-7.
- Gregory Kiyai@Keai. 2017. Tikai: Fungsi dalam Kehidupan Masyarakat Iban. *Jurnal Borneo Arkhailogio (Heritage, Archaeology and History)*, 1(1), 87-96.
- Howell, William. 1957. The Sea Dayak method of making and dyeing thread from their home grown cotton. *Sarawak Journal*, 2, 61-64.
- Imas Langie. 2023. Amalan Gawai Sandau Ari masyarakat Iban. *Temu bual*, 12 Mac.
- Juliza Kennedy. 2007. *Khazanah warisan masyarakat etnik Iban di Sarawak: Satu kajian dokumentasi harta intelek*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Kedit, Peter Mulok. 1970. Gawai Ngemali Umai. *Sarawak Museum Journal*, Vol. Xiii, 36-37.
- Kedit, Peter. 2017. A Chief's Careat, A Rajah's Gift a Museum's Treasure: Journey of A 19th-Century Iban Textile Called a Labour Api from Borneo to The British Museum. *Borneo Research Bulletin*. 48: 210-236.

- Lamai anak Jampang. 2023. Proses Menenun Pua Kumbu. Temu bual, 22 Januari.
- Leach, E. R. 1964. *Political Systems of Highland Burma: A study of Kachin Social Structure*. London: Athlone Press.
- Nik Azma Nik Day. 2018. Perubahan Amalan Ritual Miring dalam Masyarakat Iban di Kanowit, Sibul, Sarawak. Tesis Ijazah Sarjana Sains Sosial (Antropologi dan Sosiologi) Universiti Malaysia Sarawak.
- Norhuda Salleh & Yaacob Harun. 2015. Fungsi Ritual dalam Adat Pertunangan Masyarakat Melayu. *Journal of Education and Social Sciences*, 1, 228-235.
- Noria Tugang. 2014. *Pua Identiti dan Budaya Masyarakat Iban*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Noria Tugang. 2014. The Role of Iban Women in the 'Gawai Batu Ritual': A Study of Cultural Significance. *The Sarawak Museum Journal*, 88(109), 81-101.
- Nyandang Anak Malang. 2016. Penggunaan Ritual Miring dalam Hari Gawai Masyarakat Iban di Selangau. Projek Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Pengurusan Seni), Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak.
- Patrica Ganing. 2018, Representasi Tanda Babi Sebagai Penanda Penyucian Dalam Entelah Masyarakat Iban. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 11(1), 47-49.
- Ricky anak Edwin, Muhammad Hafiz Fakrul Zaman @ HamdanMohd Nizam YunusJafalizon Md Jali. 2024. Menelusuri Adat dan Budaya Hari Gawai Dayak. *Jurnal Kajian Lisan Malaysia (Edisi Khas)*, 2(3): 33-40.
- Ronald L. Grimes. 2010. *Beginning in Ritual Studies*. Columbia: University of South Carolina Press.
- Runai anak Laja. 2023. Pua Kumbu. Temu Bual, 21 Januari.
- Suzie Nyindang. 2017. Adat Miring dalam Perayaan Gawai Sandau Hari dalam Masyarakat Iban. Projek Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Pengurusan Seni), Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak.
- Traude Gavin. 1996. *The Women's Warpath Iban Ritual Fabrics from Borneo*. California: University of California Museum.
- Urin Telajan. 2022. Amalan Gawai Sandau Ari masyarakat Iban. Temu Bual, 12 Mac.
- Victor Turner. 1966. *The Ritual Process: Structure and anti-structure*. Cornell University Press.

Biodata Penulis

Abby Rumie anak Pandan

Penulis merupakan lulusan Ijazah Sastera dengan Kepujian (Pensuratan Melayu) di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yusmilayati Yunos

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang beliau adalah Etnoperubatan Melayu Jawa.